

01/02/2003

Peluang terbuka jamin masa depan guru SAR

Zulkifli Md Ali

SOAL sekolah agama rakyat (SAR) kini menjadi isu paling hangat dibincangkan secara meluas oleh orang Kelantan, lebih-lebih lagi warga pendidik sama ada dari kelompok guru SAR sendiri atau institusi pendidikan lain.

Perkara pokok yang dibincangkan ialah masa depan guru SAR sebaik kerajaan mempelawa mereka menyertai skim guru di sekolah Kementerian Pendidikan sebagai guru sandaran tidak terlatih, guru sandaran terlatih atau lantikan tetap.

Ada yang mempersoalkan keikhlasan pelawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Panas, Jeli, 16 Januari lalu.

Sebilangan kecil mencebik ucapan Perdana Menteri itu sambil berkata di hati: "Alah, entah betul ke tidak apa yang dia (Dr Mahathir) cakapkan itu." Mereka yang menerima dengan hati terbuka dan melihat masa depan lebih terjamin pula berkata: "Alhamdulillah, cerah masa depan."

Beberapa hari sebelum itu, Jabatan Pendidikan mempelawa 74,000 pelajar SAR untuk memasuki sekolah kelolaan kementerian menerusi proses kemasukan tanpa syarat.

Bertindak kepada pelawaan ikhlas kerajaan itu, beberapa kain rentang parti memerintah Kelantan, Pas, dipasang yang antara lain memaparkan kejayaan pelajar SAR sebagai membuktikan pelajar SAR juga berkemampuan.

Berbalik kepada pelawaan menjadi guru di bawah naungan kementerian, dikatakan 10 peratus daripada guru berkaitan mula menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan daerah dua tiga hari kemudian bertanya khabar keistimewaan yang akan diperoleh jika menyertai skim guru Kerajaan Pusat.

Peratusan itu meningkat hingga 60 peratus atau kira-kira 1,600 daripada guru SAR dan sekolah agama negeri (SAN) yang ingin tahu mengenai pelawaan berkenaan pada majlis perjumpaan dan ramah mesra bersama Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamed, di Hotel New Pacific, Kota Bharu, pada 26 Januari lalu. Hadir sama Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan, Datuk Shafii Ismail.

Kini apa yang berlegar dalam kepala guru berkenaan ialah dilema membuat keputusan sama ada ingin memohon dengan menikmati pelbagai insentif dan kemudahan seperti elaun bulanan, imbuhan tetap perkhidmatan awam, cuti sakit, kemudahan perubatan, pergigian, wad, klinik kerajaan, cuti sambilan, elaun khidmat di Sabah dan Sarawak (bagi guru berasal dari Semenanjung), elaun berkhidmat di Semenanjung (bagi guru berasal dari Sabah dan Sarawak) serta elaun mengikut pekeliling berkaitan dari semasa ke semasa atau tidak.

Dengan tempoh menghantar borang ada sebulan lagi berakhir 28 Februari ini, konco-konco Pas mula meracuni fikiran guru berkenaan dengan menyebar pelbagai cerita momokan.

Seorang guru sekolah agama yang hanya mahu dikenali sebagai Zamri berkata, antara cerita yang dihebahkan ialah bagaimana kedudukan guru itu jika diberhentikan selepas beberapa bulan menyertai skim guru kerajaan seperti didapati tidak ikhlas dan di mana hendak bekerja jika ia berlaku.

Beliau yang berpengalaman lebih 20 tahun sebagai guru agama berkata, ada pula yang dimomokkan dengan cerita kononnya di belakang borang itu nanti, guru terbabit wajib mengisi borang menjadi ahli Umno.

Katanya, paling jahat ada yang menyebarkan cerita: "Beranilah awak buat permohonan, nanti kena hantar Sabah dan Sarawak, baru tahu. Anak bini tinggal kat sini (Kelantan). Susah pula awak nak uruskan mereka atau keluar belanja besar untuk berpindah."

Secara optimis Zamri berkata: "Lebih baik kita (guru) memohon menjadi guru dengan kementerian kerana kerajaan memerintah sejak merdeka lagi tidak pernah mengingkari janjinya.

"Pelawaan Dr Mahathir itu ikhlas bagi menjamin masa depan guru SAR dan lain-lain guru yang senasib dengannya seperti di SAN.

"Tidak seperti pemimpin yang mendakwa bersih dengan jolokan ulama tetapi mereka sendiri mengingkari janji, melakukan perbuatan bertentangan dan mengumpul kekayaan sendiri."

Shafii, pada sesi dialog dalam perjumpaan itu, dengan tegas menjawab: "Kita (JPN) akan mengambil guru SAR ini secara borong. Maksudnya kita terima semua dan ditempatkan tidak jauh, masih di Kelantan."